



BORANG PERSETUJUAN DAN PEMAHAMAN RISIKO JANGKITAN COVID-19 BAGI PENJAGA PESAKIT

1. Saya telah memahami dan bersetuju sepenuhnya bahawa:
 - a. Hospital _____ telah mengambil segala langkah pencegahan untuk mengelakkan risiko jangkitan COVID-19 kepada pesakit, penjaga, pelawat serta anggota kesihatan hospital dengan mematuhi semua peraturan dan garis panduan berkaitan dengan COVID-19.
 - b. Pesakit, penjaga atau pelawat masih mempunyai risiko untuk mendapat jangkitan COVID-19 ketika berada di hospital.
2. Berdasarkan perkara di atas, saya dengan ini bersetuju untuk tidak membuat sebarang tuntutan dan / atau meneruskan tuntutan terhadap pihak Kerajaan dan Hospital _____ di atas kerugian, kos, liabiliti, penderitaan atau kerosakan sekiranya saya atau pesakit yang dijaga mendapat jangkitan COVID-19.
3. Saya seterusnya mengesahkan bahawa perkara di atas telah dijelaskan kepada saya oleh pihak Hospital _____ dan saya memahami sepenuhnya sifat dan akibat yang dinyatakan di Perenggan 2 dan saya menandatangani borang ini dengan rela hati tanpa sebarang paksaan.
4. Saya berjanji akan mematuhi semua peraturan dan garis panduan berkaitan dengan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan dan Hospital sepanjang keberadaan saya di kawasan Hospital _____.

PENJAGA

Tandatangan:

Nama:

Kad Pengenalan:

Hubungan dengan pesakit:

Tarikh:

ANGGOTA KESIHATAN

Tandatangan:

Nama:

Kad Pengenalan:

Jawatan:

Tarikh:

PERATURAN DAN GARIS PANDUAN BAGI PELAWAT / PENJAGA DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KRITERIA PELAWAT/PENJAGA:

1. Hanya satu (1) pelawat/penjaga di benarkan bagi setiap pesakit pada satu-satu masa.
2. Hendaklah berumur ≥ 18 tahun (≥ 16 tahun boleh dibenarkan dengan syarat dia telah melengkapkan jadual vaksinasi COVID-19).
3. Telah lengkap vaksin COVID-19 (14 hari selepas suntikan kedua bagi vaksin jenis 2 suntikan dan 28 hari selepas suntikan bagi vaksin jenis 1 suntikan).
4. Bukan daripada kumpulan berisiko tinggi (system imun yang rendah, warga tua ≥ 60 tahun, pelbagai komorbiditi).
5. Bukan dalam kumpulan disyaki COVID-19 atau Orang Dalam Pengawasan (PUS).
6. Tiada simptom yang menunjukkan COVID-19.
7. Mengisi borang pengisytiharan COVID-19 atau MySejahtera dan "Borang Persetujuan dan Pemahaman Risiko Jangkitan COVID-19 bagi Penjaga Pesakit".
8. Menjalani ujian COVID-19 seperti yang ditetapkan.
9. Mematuhi prosedur operasi Standard (SOP) dan alat pelindung diri (PPE) yang disyorkan.

PROSEDUR OPERASI STANDARD:

1. Pelawat/penjaga hendaklah sentiasa memakai topeng muka semasa berada di hospital. Penggunaan apron plastik dan sarung tangan disyorkan apabila terdapat pendedahan kepada cecair badan.
2. Pelawat/penjaga perlu sentiasa mengamalkan;
 - 2.1 Kebersihan tangan (sebelum masuk dan keluar bilik)
 - 2.2 Etika batuk (menutup mulut dan hidung ketika batuk atau bersin dengan tisu atau sapu tangan atau tangan)
 - 2.3 Penjarakan fizikal (menjaga sekurang-kurangnya 1 meter)
3. Pelawat/penjaga hendaklah mengehadkan pergerakan mereka di kemudahan penjagaan kesihatan.
4. Penjaga kepada pesakit COVID-19 hendaklah melaporkan kepada anggota kesihatan jika mereka mengalami gejala COVID-19.
5. Tiada pelawat/penjaga dibenarkan semasa prosedur yang melibatkan penjaan aerosol (AGP) seperti intubasi.
6. Penjaga perlu memaklumkan kepada anggota kesihatan di wad sekiranya terdapat pertukaran penjaga.
7. Pesakit TIDAK dibenarkan untuk meninggalkan wad atau hospital untuk melawat keluarga, rakan-rakan atau atas sebarang sebab lain, melainkan dibenarkan keluar.
8. Pelawat/penjaga yang mengabaikan atau mengingkari keperluan kesihatan awam semasa berada di hospital, mereka boleh diminta untuk meninggalkan hospital.